



## **PERMOHONAN KEMASUKAN KE PROGRAM DIPLOMA KEJURURAWATAN SESI SEPTEMBER 2019/2020**

Calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa memohon bagi mengikuti program Diploma Kejururawatan Universiti Malaysia Sabah (Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan) seperti yang disenaraikan bagi Sesi Akademik 2019/2020.

<b>PROGRAM YANG DITAWARKAN</b>		
<b>Pusat Pengajian</b>	<b>Program</b>	<b>Ambilan / Sesi Kemasukan</b>
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah	Program Diploma Kejururawatan *Program ini telah mendapat akreditasi penuh MQA/FA11524, Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi Bil 1/2019 Agensi Kelayakan Malaysia pada 29 Januari 2019 *Program telah mendapat pengiktirafan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) No. rujukan surat JPA(L)S.180/8/1-96 Klt.9 (27)	Ambilan September Sesi 2019/2020

Penawaran Program adalah tertakluk kepada bilangan calon yang layak dan kelulusan pihak berkuasa Pengurusan Universiti.

### **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

#### **PROGRAM DIPLOMA KEJURURAWATAN SESI SEPTEMBER 2019/2020**

Permohonan terbuka kepada Warganegara Malaysia sahaja serta berumur sekurang-kurangnya 17 tahun pada tarikh permohonan dan memenuhi syarat seperti berikut:

#### **Syarat Am**

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya **Lima (5) kepujian** atau yang setaraf dengannya.

#### **Syarat Khas Program**

Wajib mendapat kredit dalam matapelajaran berikut:

- Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia peringkat SPM/Setaraf;
- Matematik (Matematik Tambahan atau Moden atau Elementari); dan

Kepujian dalam SATU matapelajaran berikut:

- Sains Am
- Biology
- Kimia dan lulus biology
- Fizik dan lulus biology; dan

Mendapat sekurang-kurangnya 2 lagi **kredit** bagi subjek yang lain; dan

Lulus Bahasa Inggeris (keutamaan kepada calon yang mendapat kredit Bahasa Inggeris)

#### **Syarat Tambahan**

- Terbuka kepada calon lelaki dan wanita;
- Mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik serta tidak mengalami kecacatan yang boleh menyebabkan calon-calon tidak sesuai menjalankan tugas sebagai Jururawat selepas tamat latihan ; **DAN**
- Cemerlang dalam ujian tapisan serta temuduga yang telah ditetapkan oleh Universiti.

## CARA MEMOHON

Permohonan secara dalam talian adalah melalui laman web berikut:  
<https://fpsk.ums.edu.my/sppn>

Tarikh permohonan dibuka adalah pada:  
**25 March 2019 (Isnin) 10 pagi – 20 April 2019 (Sabtu) 10 pagi**

**Diucapkan semoga calon berjaya dalam permohonan program Diploma Kejururawatan UMS bagi sesi 2019/2020**

### **MAKLUMAT PENTING**

1. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pihak fakulti di No. Tel: 088-320000 samb. 611027/611024
2. Calon yang layak menghadiri temuduga akan disenarai pendek dan boleh memeriksa status permohonan pada 26 April 2019 (Jam 2.00 petang). **PIHAK UNIVERSITI BERHAK MEMBUAT SEBARANG PERUBAHAN ATAU PINDAAN TANPA NOTIS.**

